

U. Malay 2 15/3/2017

# Krisis air bukan fiksyen – Sultan Nazrin

**KUALA KANGSAR 14 Mac** – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah bertitah, krisis bekalan air bukan merupakan fiksyen atau cerita rekaan sebaliknya fenomena yang sedang melanda dunia ketika ini.

Baginda bertitah, malah diramalkan persaingan dan perebutan untuk mendapatkan sumber air boleh menjadi punca yang memungkinkan manusia berperang pada masa akan datang.

Sehubungan itu, titah baginda, rakyat perlu menyedari tanggungjawab menghargai keperluan air dan tidak melakukan pencemaran terhadap sumber-sumber air serta tidak membazir.

“Rakyat wajib sedar bahawa bekalan air yang tidak mencukupi bakal mencetuskan krisis kerana air merupakan keperluan paling asas kehidupan dan satu perlima daripada penduduk dunia dilaporkan tidak mendapat akses kepada air yang boleh diminum,” titah ba-

ginda dalam Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Kampung Senawar, di sini hari ini.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nur Mahani Raja Shahar Shah; Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Zulkarnain Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tuanku Suraya Abdul Halim Shah.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin.

Projek pembinaan Loji Rawatan Air Kampung Senawar di sini telah dimulakan Ogos 2014 dan siap April 2016 dengan kos RM46.2 juta.

Sultan Nazrin bertitah, kebelakangan ini, beberapa kawasan di negara ini turut mengalami krisis kekurangan bekalan sehingga menyebabkan catuan air terpaksa dilakukan.

Berikutan itu, titah baginda, usaha untuk meminimumkan bencana daripada risiko yang sedang dihadapi memerlukan tindakan secara proaktif dan strategik.

Baginda turut menggariskan lima langkah utama untuk memelihara sumber air iaitu memelihara dan memulihara sumber-sumber air serta kawasan tadahan air dengan memastikan alam sekitar yang mapan.

“Kedua, mengurus sumber air secara bersepadu; ketiga, menaiktaraf sistem air sedia ada dengan merintis teknologi baharu dan keempat, mempelbagaikan sumber air dengan meneroka sumber-sumber alternatif antaranya potensi air bawah tanah, air yang dikitar semula serta penuaian air hujan.

“Kelima, program pendidikan agar pengguna sedar dan turut mengambil tanggungjawab memelihara sumber air dan tidak melakukan pembaziran,” titah baginda.



**SULTAN NAZRIN MUIZZUDIN SHAH dan Tuanku Zara Salim mendengar penerangan daripada Pengurus Besar Lembaga Air Perak, Datuk Mohd. Yusof Mohd. Isa (tengah) sewaktu berkenan melawat Loji Rawatan Air Kampung Senawar, Kuala Kangsar, Perak, semalam. – UTUSAN/SYEFRI MONIZ**